Ujian 5 UASA

BAB 4

# Agama, Kepercayaan dan Keunikan Warisan Masyarakat Kerajaan Alam Melayu

Tarikh : ____________

Skor

60

## Bahagian A

1. Mengapakah masyarakat kerajaan Alam Melayu menyembah roh nenek moyang yang telah meninggal dunia? SP 5.2.4 TP2
   - **A** Sambutan perayaan
   - **B** Hasil tanaman yang subur
   - **C** Pemujaan semangat tanaman
   - **D** Terhindar daripada kesusahan dunia

2. Gambar berikut menunjukkan kepercayaan awal masyarakat kerajaan Alam Melayu. SP 5.2.4 TP2



   Apakah yang boleh dikaitkan dengan kepercayaan tersebut?
   - **A** *Hyang*
   - **B** Perayaan Hari Moyang
   - **C** Upacara pemujaan tanaman
   - **D** Penyembahan nenek moyang

3. Apakah bukti kepercayaan dinamisme masih lagi diamalkan di Asia Tenggara pada hari ini? SP 5.2.4 TP4
   - **A** Perayaan Hari Gawai
   - **B** Perayaan Hari Wesak
   - **C** Perayaan Hari Moyang
   - **D** Perayaan Pesta Kaamatan

4. Antara berikut, yang manakah faktor menyebabkan agama Buddha, Hindu dan Islam tersebar ke Alam Melayu? SP 5.2.4 TP2
   - I Perkahwinan
   - II Peranan mubaligh
   - III Perkembangan perdagangan antarabangsa
   - IV Peranan institusi keagamaan
   - **A** I dan II
   - **B** I dan IV
   - **C** II dan III
   - **D** III dan IV

5. Maklumat berikut mengenai perkembangan agama kerajaan Angkor. SP 5.2.4 TP2

| |
|---|
| Peranan agama Hindu sebagai agama utama diambil alih oleh agama Buddha. |

   Siapakah pemerintah yang menyebarkan agama Buddha dalam kerajaan Angkor?
   - **A** Hayam Wuruk
   - **B** Bhadravarman
   - **C** Jayavarman VII
   - **D** Suryavarman II

6. Antara berikut, yang manakah kesan kedatangan Islam terhadap kedudukan raja di Alam Melayu? SP 5.2.5 TP2
   - I Raja sentiasa ditaati
   - II Raja mesti dihormati
   - III Raja dianggap titisan dewa
   - IV Memperkenalkan konsep khalifah
   - **A** I dan II
   - **B** I dan IV
   - **C** II dan III
   - **D** III dan IV

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.



LIVEWORKSHEETS

**7.** Pada pandangan anda, mengapakah lembah sungai dipilih sebagai pusat pemerintahan kerajaan Alam Melayu? SP 5.2.5 TP2

**A** Sumber protein
**B** Sumber air bersih
**C** Sumber penternakan
**D** Laluan pengangkutan utama

**8.** Bagaimanakah cara pemerintah menjalinkan hubungan diplomatik bagi memelihara kedaulatan kerajaan? SP 5.2.5 TP2

I Penaklukan
II Perdagangan
III Bantuan ketenteraan
IV Hubungan persahabatan

**A** I dan II
**B** I dan IV
**C** II dan III
**D** III dan IV

**9.** Maklumat berikut berkaitan dengan pelabuhan di kerajaan Alam Melayu. SP 5.2.5 TP2

| |
|---|
| Menyediakan bekalan bahan dagangan dan bekalan makanan kepada pedagang. |

Apakah pelabuhan tersebut?

**A** Pelabuhan kerajaan
**B** Pelabuhan entrepot
**C** Pelabuhan pembekal
**D** Pelabuhan antarabangsa

**10.** Apakah bukti keunikan warisan dalam amalan beragama di negara kita? SP 5.2.5 TP3

**A** Kepelbagaian agama
**B** Masyarakat majmuk
**C** Kepelbagaian perayaan
**D** Sifat terbuka dalam amalan beragama

LIVEWORKSHEETS